


Enam minggu berehat di rumah

Mahathir yakin bakar tempatar

■ 
KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr **Mahathir Mohamad** dibenarkan pulang dari Hospital Besar Kuala Lumpur hari ini selepas 18 hari menjalani rawatan an pembedahan pintan koronari.

Perdana Menteri meninggalkan wad orang kenamaan hospital itu kira-kira jam 11 pagi.

Datuk Seri Dr Mahathir dimasukkan ke hospital pada 18 Januari lalu selepas mengadu sakit dada. Pada 24 Januari, beliau menjalani pembedahan pintasan koronari yang dilakukan oleh pakar bedah jantung, Dr Yahya Awang dan Dr Rozali Wathooth serta pakar bius, Datuk Dr S Radna Krishna.

Ketua Pengarah Hospital Besar, Datuk Dr C Fonseka memberitahu sidang akhbar, Perdana Menteri menjalani beberapa pemeriksaan semalam dan pagi ini.

Katanya, hasil pemeriksaan itu, doktor berpuas hati dengan keadaan kesihatan dan jantung Perdana Menteri yang bertambah baik.

Terima kasih kepada semua: PM — Muka 3

"Mulai hari ini beliau akan berehat di rumah, tetapi dinasihatkan oleh doktor supaya menghadkan bilangan pelawat," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri akan menjalani pemeriksaan sekali lagi dalam masa enam minggu.

"Selepas itu barulah Perdana Menteri boleh menjalankan tugas rasminya seperti biasa," katanya.

Datuk Dr Fonseka berkata, Hospital Besar berbangga kerana Perdana Menteri memilih menjalani pembedahan di hospital itu dan mempercayai kebolehan pakar bedah tempatan.

Menurut beliau, ini adalah kali pertama Perdana Menteri Malaysia, menjalani pembedahan nintasan koronari di da-

— Oleh —
ZAINI ZAINUDDIN

lam negeri, amnya dan di hospital-kerajaan, khasnya.

"Saya yakin lebih ramai orang kenamaan akan menjalani pembedahan yang sama di sini kerana orang kita juga berkebolehan," katanya.

Beliau menyifatkan Datuk Seri Dr Mahathir sebagai pesakit contoh yang tidak cerewet.

Sebelum Perdana Menteri meninggalkan biliknya, Imam Masjid Hospital Besar, Encik Radzmi Osman membacakan doa selamat dan kesyukuran.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang memakai bush jacket, berjabat tangan dengan kakitangan hospital di wad sebelum beredar ke lif hospital.

Doktor, jururawat dan kakitangan lain berbaris menunggu Perdana Menteri di perkarangan bawah wad untuk mengucapkan selamat jalan.

Beliau diirintai oleh Datin Seri Dr Siti Has&ah Mohd Ali, Menteri Kesihatan, Datuk Chan Siang Sun, adik iparnya, Datuk Haji Ahmad Razali Mohd Ali, Datuk Dr Fonseka, Dr Yahya Awang, pegawai Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perdana Menteri.

Petugas hospital juga merentangkan sepanduk bertulis 'Saudara Perdana Menteri. We care for you. Diiringi dengan kesejahteraan untukmu setiap masa dengan penuh kasih. Daring pada semua kakitangan Hospital Besar Kuala Lumpur.'

Sebelum menaiki kereta yang membawanya pulang ke Seri Perdana, Datuk Seri Dr Mahathir, yang kelihatan bertambah sihat, membalas lambaian orang ramai yang menunggunya.